



PERBADANAN PR1MA MALAYSIA

## **PR1MA DAN CIDB PERKUKUH KERJASAMA TINGKATKAN KUALITI KEDIAMAN PR1MA**

**KUALA LUMPUR, 22 OKTOBER** – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengeratkan kerjasama dengan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) yang menggariskan kolaborasi strategik antara kedua-dua pihak bagi memperkukuhkan kualiti industri pembinaan dan pembangunan projek-projek PR1MA. MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri Bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan merangkap Anggota Perbadanan, PR1MA, dan YBhg. Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria, Ketua Eksekutif CIDB serta disaksikan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya semasa Majlis CIDB QUEST Award bersempena International Construction Week (ICW) 2024.

Demi memperkukuh kerjasama yang sedia terjalin antara kedua-dua organisasi, MoU antara PR1MA dan CIDB ini secara keseluruhannya melibatkan beberapa objektif utama, termasuk penerapan teknologi pembinaan terkini seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS), Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM), Sistem Penilaian Kualiti untuk Kerja Pembinaan Bangunan (QLASSIC) dengan syarat keperluan projek PR1MA bagi QLASSIC adalah sekurang-kurangnya 70%, dan Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan (SHASSIC). Selain itu, PR1MA dan CIDB juga akan mewujudkan Pusat Kecemerlangan (COE) bagi tujuan latihan dan perkongsian maklumat serta akan memainkan peranan penting dalam pembangunan teknologi pembinaan di Malaysia.

Kerjasama ini turut melibatkan pelaksanaan Program Pembangunan Kontraktor, yang akan merekod dan menilai keupayaan kontraktor dalam melaksanakan projek berteknologi tinggi, justeru meningkatkan lagi kredibiliti kontraktor di dalam sektor pembinaan.

Di samping itu, PR1MA dan CIDB juga akan memperkenalkan program latihan kemahiran dan kompetensi yang melibatkan kontraktor serta kakitangan di bawah PR1MA dan CIDB. Keterlibatan ini termasuk pertukaran kakitangan antara agensi dan program perintisan untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia dalam sektor pembinaan.

Sebagai sebahagian daripada kerjasama ini, kedua-dua pihak juga akan memberi penekanan kepada aspek kemampanan pembinaan dengan penerapan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). PR1MA dan CIDB juga bersetuju untuk bekerjasama dalam apa-apa perkara berkaitan yang akan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

Menurut YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri Md. Shariff, “MoU ini mencerminkan komitmen PR1MA dalam menyediakan kediaman mampu milik berkualiti tinggi dengan menerapkan teknologi pembinaan terkini, serta mempertingkatkan keupayaan tenaga kerja PR1MA. Dengan kerjasama CIDB, kami berharap akan dapat meneruskan mandat untuk menyediakan kediaman yang berkualiti, selamat dan lestari untuk manfaat rakyat Malaysia.”

“Kolaborasi ini juga akan dapat mempercepatkan pembangunan rumah mampu milik di seluruh negara, selari dengan usaha kerajaan untuk memastikan lebih ramai rakyat Malaysia memiliki kediaman yang berkualiti. Dengan penggabungan inovasi teknologi dan program latihan khusus ini, PR1MA dan CIDB berupaya meningkatkan daya saing kontraktor tempatan seterusnya memberi impak positif kepada ekonomi negara selaras dengan nilai teras Malaysia Madani, yang menekankan kesejahteraan rakyat, keadilan sosial, dan kemampanan dalam pembangunan,” tambah beliau lagi.

Setakat Oktober 2024, PR1MA mempunyai 89 projek, bersamaan 54,660 unit di seluruh Malaysia yang berada dalam pelbagai fasa pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61 projek, yang terdiri daripada 41,321 unit telah berjaya disiapkan, manakala 28 projek yang terdiri daripada 13,339 unit masih dalam fasa pembinaan dan perancangan.

**-TAMAT-**

---

### **Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

#### **Perspective Strategies**

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

#### **PR1MA**

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)